

# Kedudukan Orang-orang Islam Sebagai Penduduk Kecil Di Cyprus

Cyprus yang disebut juga dalam bahasa Arab, Qibriş adalah sebuah pulau yang ketiga besarnya di Lautan Mediterranean. Terletak berhampiran dengan selatan negeri Turki – berhampiran dengan daerah Hatay – (Iskandarūnah<sup>1</sup>) dan berhampiran dengan pantai tanah Suria. Luasnya 3,572 batu persegi. Penduduknya, menurut banci tahun 1960 sebanyak 577,615 orang yang daripadanya menurut punca-punca penduduk Turki di sana ada 118,193 orang Islam yang berasal dari Turki. Selain itu penduduk di sana adalah daripada orang-orang Cyprus yang berasal daripada keturunan Greek.

Pulau ini diperintah oleh orang-orang Turki lebih daripada 300 tahun lamanya dan pada tahun 1872 pulau ini diserahkan kepada kerajaan British oleh Sultan Turki untuk mentadbirkannya tetapi apabila berbangkit peperangan tahun 1914 Turki telah menyebelahi Rusia maka pulau ini kemudiannya diletakkan di bawah mandat British dan akhirnya pada tahun 1924 diletakkan jadi jajahan British. Pada masa Perang Dunia yang kedua, pulau ini dijadikan pangkalan perang yang utama – terutamanya untuk pasukan kapal terbang British dan pihak Berikat.

Penduduk-penduduk Islam yang berasal daripada keturunan Turki itu tinggal kebanyakannya di sebelah utara pulau itu. Kebanyakan daripada mereka adalah peladang-peladang yang menguasai 33 peratus daripada tanah Turki itu. Mereka adalah mengambil bahagian utama di dalam perniagaan dan perusahaan. Mereka juga mengambil bahagian penting dalam urusan perundangan-perundangan, perubatan, pegawai dan pelajaran.

**Taraf pelajaran** orang-orang Islam Turki di Cyprus tinggi. Di sana mereka ada mempunyai 227 sekolah permulaan, 14 buah sekolah tinggi (*junior high school*) 5 buah

sekolah pertukangan, sebuah sekolah perniagaan, 4 buah sekolah teknik (*technical institute*), sebuah sekolah latihan guru, 43 buah sekolah malam untuk perniagaan dan bahasa asing dan 10 buah sekolah kanak-kanak di bawah umur. Tidak ada universiti di pulau itu.

Kebanyakan orang-orang Turki menghantarkan penuntut-penuntutnya ke universiti di Turki. Sebahagian daripada penuntut belajar ke luar negeri. Cara-cara pelajaran orang-orang Islam Turki disatukan dan semua sekolah-sekolah adalah dikawal oleh pejabat pelajaran yang terletak di bawah dewan orang-orang Turki sendiri. Di dalam tiap-tiap bandar dan kampung dilantik jawatankuasa yang bertanggungjawab atas kewangan, bangunan dan hal ehwal sekolah-sekolah itu.

Ada 16,298 murid-murid bagi sekolah permulaan dan 8,377 orang penuntut dari bahagian lain. Permulaan diberi percuma. Sementara itu bayaran yang sangat rendah dikenakan kepada sekolah menengah dan tinggi dikecualikan sekolah latihan guru tidak dikenakan apa-apa bayaran.

Apabila berbangkit keganasan orang-orang Greek terhadap penduduk Turki – mereka terpaksa berpindah daripada

102 kampung dan sekolah-sekolah di sana diruntuhkan oleh orang-orang Greek. Ini berlaku semenjak bulan Disember 1963.

**Kedudukan ekonomi** orang-orang Islam Turki di sana sehingga bulan Disember 1963 adalah baik. Tetapi apabila orang-orang Greek di Cyprus dengan bantuan tentera-tentera dari negara Greek melakukan keganasan terhadap orang-orang Islam Turki kerana tujuan menyatukan Pulau Cyprus ke dalam pemerintahan Greek maka apa yang dibina mereka telah runtuh. Orang-orang Turki berpindah ke tempat-tempat yang selamat dengan meninggalkan harta bendanya daripada rempuhan-rempuhan orang-orang Greek yang cukup lengkap alat senjatanya itu. Harta benda mereka dirampas dan disamun serta dibinasakan oleh orang-orang Greek.

Bukan itu sahaja tetapi orang Greek Cyprus mengambil kekuasaan negara dan melakukan sekatan-sekatan ekonomi terhadap orang-orang Islam. Pegawai-pegawai negeri Islam tidak dibayar gaji mereka. Barang-barang yang dibenarkan diimport oleh orang-orang Turki ke sana yang diluluskan oleh perlembagaan ditahan dan dikenakan cukai setinggi-tingginya bagi menyusahkan orang-orang Turki.

**Kerajaan dan orang-orang Islam.**

<sup>1</sup> Merujuk kepada Iskenderun (Scanderoon). Juga dikenali sebagai Alexandretta.


Semenjak 21 Disember 1963 tidak ada perlembagaan yang dijalankan di dalam Cyprus di dalam mana orang-orang Greek cuba mengeluarkan orang-orang Turki dari Cyprus dengan menggunakan kekerasan dan semenjak masa itu kerajaan yang dikuasai oleh Greek menjalankan dasar menindas orang-orang Islam Turki. Kerajaan Greek di Greece meluaskan bantuan-bantuan semangat dan kebendaan kepada orang-orang Greek di Cyprus dalam langkah penindasannya terhadap orang-orang Turki di Greek.

**Menurut perlembagaan Cyprus:**

Naib *President* Republik Cyprus hendaklah terdiri dari orang Turki, tiga orang menteri dari sepuluh orang, dan lima belas dari lima puluh orang, di dalam Dewan Perwakilan seorang daripadanya Naib Yang Dipertua Dewan Perwakilan) hendaklah orang-orang Turki. Sebagai tambahan Timbalan Peguam Agung, Timbalan Juru Kira-kira Agung dan Timbalan Pemerintah Tentera, Timbalan Pemerintah Polis hendaklah orang-orang Turki Islam.

Banyak jawatan-jawatan tinggi seperti Pengarah Jabatan Kerajaan, Hakim Mahkamah Tinggi dan duta dipegang oleh orang-orang Turki. Di dalam perlembagaan termaktub bahawa 30 peratus pegawai-pegawai pemerintah, polis dan pasukan-pasukan kawalan serta 40 di dalam pasukan tentera hendaklah terdiri dari orang-orang Turki Islam. Di dalam pada itu, orang-orang Greek yang lebih kuasa dan suara di dalam Dewan Orang Ramai dan dewan-dewan lainnya di dalam perjawatan tidak pernah menyempurnakan kehendak perlembagaan ini.

Sebaliknya orang-orang Turki di Cyprus cuba dihalau dari sana



Penjaja-penjaja kambing sedang menjual kambingnya di kawasan orang-orang Islam Cyprus di Nicosia.

oleh orang-orang Greek melalui kekuatan tentera semenjak 21 Disember 1963.

**Orang-orang Islam Turki di Cyprus** mempunyai jemaah bandarannya yang tersendiri di dalam bandar-bandar yang diduduki mereka di pulau itu. Sebagai tambahan Dewan Kaum Turki yang mengandungi 30 ahlinya yang dipilih dari orang-orang Islam Turki mengawal dan menjaga hal ehwal orang-orang Islam Turki di Cyprus.

**Kedudukan agama.** Bahasa yang

digunakan oleh orang-orang Islam Turki di Cyprus ialah bahasa Turki.

Orang-orang Islam menggunakan terjemahan al-Qur'ān di dalam bahasa Turki. Di sana ada 244 buah masjid dan 19 makam-makam yang utama di antara makam Umm al-Ḥarām, ibu saudara Nabi.


Banyak masjid-masjid dan makam diruntuhkan oleh orang-orang Greek Cyprus semenjak dari bulan

Disember 1963 dahulu. Kebanyakan masjid-masjid dan makam-makam itu dikawal oleh usaha masjid-masjid itu sendiri dan orang ramai dengan derma-dermanya dan sebahagiannya dibantu pula oleh wakaf-wakaf yang ada yang tertubuh semenjak dari dawah 'Uthmāniyyah menguasai pulau itu semenjak tahun 1571 dahulu.

Mufti – ialah ketua kaum Muslimin di Cyprus dan ia dilantik oleh orang-orang Islam di pulau itu. Di situ tidak ada lain pertubuhan politik Islam tetapi ada banyak pertubuhan-pertubuhan terdiri daripada orang-orang yang cenderung kepada Islam, pertubuhan-pertubuhan khairat, kebudayaan dan sosial yang ditubuhkan dengan ahli-ahlinya dari orang-orang Turki sahaja.

Masjid jamik yang utama dan bersejarah di Cyprus ialah Masjid Selimiye mengambil nama sultan Salim yang kedua yang telah menakluk seluruh Pulau Cyprus dari tahun 1571 dahulu. Masjid itu terletak di bandar Nicosia. Lainnya yang mustahak ialah Masjid Lala Mustafa Pasha di bandar Famagusta iaitu mengambil nama pemerintah tentera yang menjalankan penaklukan Pulau Cyprus pada tahun 1571 itu.

**Penerbitan-penerbitan Islam Turki** di Cyprus mengandungi dua buah harian berbahasa Turki, dua buah mingguan, delapan buah majalah bulanan. Bahasa rasmi di Pulau Cyprus ialah bahasa Greek dan Turki sedang bahasa Inggeris, sebelum Disember 1963 adalah bahasa perantaraan. Orang-orang Islam di Turki mempunyai penerbitan khas dalam bahasa Inggeris yang disiarkan pada tiap-tiap hari.



Pemandangan sebuah masjid di kawasan orang-orang Turki Cyprus di Nicosia.

**Apakah tujuan Greek melangkah di Cyprus?** Jawapan atas soal ini dapat diperhatikan daripada keterangan-keterangan yang didapat oleh tuan punya Qalam, Edrus, tatkala mengemukakan soal-soal ini kepada orang-orang terkemuka Turki di Istanbul dalam lawatannya baharu-baharu ini.

Kepadanya diterangkan bahawa masalahnya bukanlah masalah yang hanya meliputi langkahan Greek di Pulau Cyprus sahaja tetapi langkahan kerajaan Greek yang jauh daripada itu.

Kerajaan Greek memandang bahawa kerajaan Rom Timur adalah berdirinya di Greek. Kerajaan Rom Timur atau

Byzantine itu dahulunya telah meluaskan sayapnya bukannya sahaja di tanah-tanah yang berhampiran dengan mereka seperti di Suria dan Palestin tetapi mereka telah sampai ke Iraq dan Mesir. Bekas-bekasnya masih ada sampai sekarang.

Kebesaran-kebesaran kerajaan Byzantine zaman dahulu adalah dipandang oleh orang-orang Greek sebagai bekas-bekas kebesarannya. Dengan perasaan inilah semenjak beratus-ratus tahun dahulu timbul cita-cita hendak meluaskan lagi empayar yang besar itu berpunca dari Greek. Kerana itulah maka Greek memulai langkah-langkahnya ke timur untuk mengembangkan cita-citanya yang mungkin kelak

akan mengambil pula kuasa-kuasanya bukannya sahaja di atas pulau-pulau tetapi kepada tanah besar di Timur Tengah.

Jadi persoalan Cyprus bukanlah suatu persoalan masalah Cyprus sahaja tetapi bertujuan lebih besar dan langkah terhadap kepada Cyprus ini adalah permulaan sesudah menguasai pula Nicosia dahulu.

Apabila mereka berkuasa di pulau-pulau itu, tentunya dapatlah mereka dengan mudahnya melancarkan serangan-serangan ke Turki dan ke Suria iaitu setelah tanah-tanah itu terlepas dari tangan orang-orang Turki. Dengan mudah mereka meletakkan kubu-kubunya dengan tidak ada halangan apa-apa. Untuk cita-cita inilah penindasan dilakukan terhadap penduduk Turki yang tidak ada mempunyai senjata, musuh lama orang-orang Greek untuk dihancurkan.

Langkah-langkah Greek mencampuri soal Pulau Cyprus itu wajib ditahan apalagi langkah-langkah itu mengeluarkan perikemanusiaan dengan memperkosa penduduk orang-orang Turki Islam yang telah tinggal di sana hampir-hampir lima kurun lamanya. Perkosaan-perkosaan yang hebat dilakukan kepada mereka yang tidak bersenjata itu sebagai balasan dendam kepada orang-orang Turki yang telah pernah “menghalau” mereka sehingga terjun ke laut di Selat Dardanelles. Perbuatan-perbuatan kejam yang dilakukan oleh Greek, jika tidak ditahan adalah satu perkosaan yang besar kepada umat Islam; dan kerana itulah kerajaan Turki campur tangan. Untuk menahan keganasan dan sebagai peringatan akhirnya kerajaan Turki terpaksa menghantarkan sepasukan angkatan lautnya sebagai peringatan bahawa umat Turki berdiri



Suatu pemandangan di Kyrenia, Cyprus.

di belakang saudara-saudara mereka orang-orang Turki Cyprus yang diperkosa itu.

Persoalan umat Turki di Cyprus tidak akan tamatnya. Banyak masjid-masjid yang binasa; banyak orang-orang Islam yang diperkosa sedang umat Islam khususnya di sebelah sini tidak memerhatikan perkosaan yang demikian. Bahkan pernah berlaku, dikatakan, kerajaan Republik Arab Bersatu menghantar

senjata menolong Makarios (orang-orang Greek Cyprus) untuk membinasakan orang-orang Islam Turki.

Orang-orang di Turki sentiasa memperingatkan bahawa apa yang berlaku di Cyprus hanya langkah permulaan di dalam tujuan yang lebih jauh iaitu tujuan menghidupkan semula empayar Byzantine. Kerana itu negara-negara Islam mesti berhati-hati.

---

### Berita Ringkas

Menurut suatu berita dari Geneva, bahasa Arab bagi kali pertamanya telah digunakan di dalam Persidangan Buruh Sedunia yang telah diadakan di Geneva. Bahasa Arab ini adalah bersaing dengan bahasa-bahasa Inggeris Perancis, Rusia, Despain<sup>2</sup> dan Jerman yang biasa digunakan di dalam persidangan-persidangan serupa itu.

Lima orang wakil buruh dari Timur Tengah bagi kali yang pertama menggunakan bahasa itu di dalam perbahasan-perbahasan umum. Wakil kerajaan Yaman, Adnan<sup>3</sup>, Darwish telah berkata: “Bersyukur kepada Allah bahawa bahasa al-Qur’ān telah sejajar bersama-sama dengan bahasa-bahasa bangsa-bangsa dan difaham oleh 600 juta orang Islam dalam 30 buah negara.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah Spain.

<sup>3</sup> Merujuk kepada Adan.